



خديجة
HAFI SAYYIDATINA
KHADIJAH



"Kelayakan
Califfa
Wanita"

خديجة

Hafi Sayyidatina Khadijah Khadijah

٢٧-٢٥ ربيع الأخير ١٤٤٦ هـ • 28-30 OKTOBER 2024
HOTEL THE GRAND RENAI, KOTA BHARU

حَتَّى تَكُونِي عَظِيمَةً مِثْلَ خَدِيجَةَ

“Agar Dirimu Semulia Khadijah”
“As Honourable As Khadeejah”



DOA SAYYIDATINA KHADIJAH



اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يَعُودُ
السَّلَامُ فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ
السَّلَامِ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Ya Allah, Engkaulah kesejahteraan, dari Engkaulah asas kesejahteraan dan kepadaMu pula kembali kesejahteraan. Maka hidupkanlah aku dengan kesejahteraan dan masukkanlah aku ke dalam syurga negeri kesejahteraan. Maha Mulia Engkau Ya Allah yang memiliki kemegahan dan kemuliaan.

April 2015



Definisi Logo HSK

Definisi Reka Bentuk Logo Hari Sayyidatina Khadijah



Pendahuluan

Logo Hari Sayyidatina Khadijah telah dicipta sempena Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2016 anjuran Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan (UPWK) yang kini dikenali sebagai Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWA).



Bentuk 'Bunga Cempaka'

- ❑ Bentuk 'bunga' melambangkan wanita dan sifat kewanitaan.
- ❑ Bunga Cempaka dalam konteks budaya muslimah Kelantan, bunga ini sentiasa diletakkan bersama telekung solat di dalam sejadah atau dipakai bersama sanggul di rambut bertujuan mendapatkan harumannya. Ia melambangkan kasih sayang dan kesucian.
- ❑ Bunga Cempaka berasal dari negara-negara tropika namun sudah diangkat menjadi bunga antarabangsa disebabkan kelebihan harumannya. Keadaan ini bersignifikan dengan hasrat U-KeKWA mengangkat imej lebih ramai wanita Kelantan ke peringkat antarabangsa melalui dasar-dasar yang sudah digubal dan program-program yang telah dilaksanakan.

Tujuh Kelopak Bunga

Melambangkan kepelbagaian, kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh Wanita Kelantan merangkumi 7 bidang utama iaitu;

- i. Pengurusan & pentadbiran.
- ii. Pendidikan dan dakwah (termasuk dalam kategori ini ialah para ibu yang memberi pendidikan informal di rumah, para pendidik di sekolah dan universiti, menjadi pakar akademik dalam pelbagai bidang. Contoh: Agama, sains, kesusasteraan, undang-undang sivil dan syariah, ekonomi dan lain-lain).
- iii. Keusahawanan (menjana ekonomi keluarga dan negara).
- iv. Pertanian dan Penternakan.
- v. Politik (termaktub dalam sejarah, wanita Kelantan terlibat dengan politik sejak berabad lamanya. Antara nama yang masyhur ialah Raja Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Saadong).
- vi. Penulisan (dalam pelbagai genre).
- vii. Kesenian dan kebudayaan (termasuk di dalamnya berqasidah, tilawah bertarannum, kraftangan dan lain-lain).

7 Kelopak juga merupakan simbol kepada:

- i. 7 hari seminggu: Wanita Kelantan sangat menghargai hari-hari kurniaan Allah SWT, lalu diterjemahkan dengan sifat memanaatkannya dengan pengisian dan jadual yang seimbang antara diri, keluarga dan masyarakat.
- ii. 7 petala langit dan 7 lapisan bumi: Sifat muslimah Kelantan yang banyak mengingati dan tafakkur pada kebesaran Allah SWT
- iii. 8 syurga dan 7 neraka: Sifat banyak mengingati akhirat dan berwawasan akhirat. 'Ingat akhirat' mampu menjadi pemangkin seseorang berusaha yang terbaik untuk dunia dan akhiratnya.

sumbangan dan pengorbanan wanita kepada agama, keluarga, masyarakat dan negara.

Warna **Hitam** yang melatari tulisan Rumi melambangkan kekuatan selari dengan sifat Hitam yang mengumpul semua kekuatan aura warna-warna lain. Kekuatan ini turut mewakili sifat yakin dan teguh muslimah Kelantan pada dasar dan prinsip Islam sebagaimana teguhnya iman Khadijah R.A di awal sinar Islam menerobos kegelapan jahiliyah kaumnya.

Kelopak-kelopak Bunga Pelbagai Warna

Melambangkan wanita Kelantan yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang disebabkan ada faktor-faktor pendorong hasil sikap positif yang didefinisikan oleh 7 warna berikut;

Hijau	Alam semulajadi, kedamaian dan berilmu pengetahuan
Kuning	Aura energetik, bersemangat tinggi, optimis dan kreatif.
Merah	Berwibawa, berani, gigih dan tabah.
Merah jambu	Bersifat penyayang dan memahami.
Ungu	Bijak, berinisiatif dan berdikari.
Biru	Cinta kedamaian, tenang dan jujur.
Hitam	Elegan, menarik dan rapi.

Penafian:

Logo dan warna logo merupakan rekaan dan pilihan pihak penganjur iaitu Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa) yang cuba memberi gambaran ciri dan wanita Kelantan sedia ada (Sebahagiannya sudah dibuktikan oleh tokoh-tokoh muslimah Kelantan dalam pelbagai bidang sejak generasi terdahulu hingga sekarang). Juga sebagai gagasan jauh ke hadapan untuk dipenuhi aspirasi positif tersebut oleh generasi ummah yang lebih baik di masa-masa akan datang, dengan izin Allah SWT jua. Ia sekali-kali tidak bermaksud memberi gambaran yang tidak realistik tentang wanita Kelantan secara umum kerana pihak U-KeKWa sedar di sana masih banyak ruang dan medan yang perlu diperbaiki dalam melaksanakan dasar-dasar yang baik untuk membangunkan wanita Kelantan ke arah yang diredai Allah swt.

Lagu Tema

Hari Sayyidatina Khadijah

SEMULIA KHADIJAH

Menyingkap kembali sirah risalah
Mewangi semangat serikandi
Ummah
Mu'minah pertama Sayyidatina
Khadijah
Qudwah keteguhan wanita
solehah

Dia At Tahirah hadiah Allah
Dari rahimnya zuriat mulia
Hidupnya disanjung perginya
dikenang
Wanita terbaik Sayyidatina
Khadijah

Harta jiwa raga bukti kesungguhan
Tak luntur semangat demi
kebenaran
Sebagai isteri peneguh suami
Sebagai ibu pendidik generasi
Hartawan dermawan
Serikandi terbilang

Sayyidatina Khadijah, *mother of
believers*
*Teacher of loyalty, a symbol of
modesty,*
Khadijah At-Tahirah, *the first of
believers,*
*Her noble sacrifice, has marked
the history*



خديجة الطاهرة همته عالية
أميرة الجنة سيرتها عالية
سيدة النساء معلمة الوفاء
فلتستمر فاتحيا قصتها المعطرة

Semangat Khadijah terus membara
Semangat Khadijah membakar jiwa
Fitrah kelembutan bukan kelemahan
Kesantunan budi itu kecantikan
Ayuhlah muslimah,
Teladani Khadijah,
Agar dirimu semulia Khadijah

Kemuliaan Khadijah Mari kita suburkan!
Kecekalan Khadijah ayuh semarakkan!
Tiada noktah dalam perjuangan
Tiada sempadan mulia pengorbanan

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

Dunia ini adalah sebaik-baik perhiasan, dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah wanita solehah

(HR. Muslim, Ibn Majjah & Nasa'ei)

Tokoh HSK 2024





تَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَسَيُعْزِمَكَ اللَّهُ إِنَّهُ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا

TOKOH SAYYIDATINA KHADIJAH KHUWAILID

Profesor Dr Nik Meriam Nik Sulaiman

Tahun ini menyaksikan anugerah Tokoh Sayyidatina Khadijah Khuwailid diberikan kepada seorang tokoh akademik dan pendidik yang diiktiraf di Malaysia, Profesor Dr Nik Meriam Nik Sulaiman. Bukan hanya dikenali sebagai seorang pakar dalam bidang pendidikan dan sains, beliau juga merupakan seorang penggerak masyarakat yang aktif. Kecemerlangan beliau dalam akademik, diiringi dengan semangat dedikasi untuk membantu masyarakat, menjadikannya contoh teladan kepada generasi muda.

Dilahirkan di Tanah Serendah Sekebun Bunga, Nik Meriam memulakan perjalanan akademiknya di Sekolah Zainab, Kota Bharu. Berbekalkan keputusan peperiksaan yang cemerlang, beliau kemudiannya menyambung pelajaran peringkat menengah di Kolej Tunku Khursiah, Seremban.

Seperti tiada noktah dalam cintanya kepada ilmu, beliau meneruskan pelajaran di *Leederville Technical College*, Perth, Australia di peringkat matrikulasi, kemudian ke *University of New South Wales* untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda dalam Bachelo Kejuruteraan Kimia dan seterusnya Ijazah Sarjana dalam Sains Gunaan (Kawalan Pencemaran Persekitaran) di universiti yang sama. Selepas itu, beliau beralih ke United Kingdom untuk meneruskan pelajaran di peringkat kedoktoran dan berjaya memperoleh ijazah kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Kimia di *University of Birmingham* pada 1982.

Kerjayanya bermula pada 1983 di Universiti Malaya sebagai pensyarah kembalinya dari United Kingdom, di Jabatan Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan. Berdasarkan kepakaran beliau dalam bidang penyelidikan, beliau pernah dilantik sebagai Pengarah Institut Penyelidikan dan Perundingan Universiti Malaya serta Ketua Kluster Penyelidikan (*Sustainability and Environment*), juga di universiti yang sama.

Nik Meriam terserlah sebagai ahli penyelidik dan ahli sains kejuruteraan dalam bidang pengawalan persekitaran yang memfokuskan kepada *partilculates* seperti contoh pencemaran yang dibawa oleh angin. Sebagai seorang akademik, beliau telah menghasilkan banyak penerbitan dalam bentuk buku dan makalah dalam jurnal akademik, antaranya termasuklah buku berjudul *Cleaner Technology, Course Module for Malaysian University, Glossary on Petroleum Industry* dan banyak lagi.

Nik Meriam mempunyai minat yang mendalam terhadap penyelidikan alam sekitar dan giat menjalankan kajian untuk mengubah strategi kelestarian kepada tindakan yang fokus kepada industri pemprosesan di Malaysia.

Menceburkan diri dalam bidang yang bukan calang-calang untuk dikuasai, anak Kelantan ini telah mencipta sejarah apabila menjadi wanita pertama di Malaysia yang menjadi jurutera kimia. Pada tahun 1999, Nik Meriam juga terpilih sebagai salah seorang empat saintis Malaysia yang pertama sampai di Antartika untuk menjalankan kajian berkaitan kimia. Kecemerlangan terus dilakar oleh beliau apabila menjadi Penyandang Kursi Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, Universiti Malaya dari tahun 2010 hingga 2014. Tidak mudah untuk mendapatkan pengiktirafan ini dan di negara ini hanya terdapat kurang daripada 30 profesor yang dilantik sebagai penyandang kursi di universiti tempatan mahupun luar negara.

Selain itu, pencapaian beliau terus membanggakan apabila terpilih sebagai penerima anugerah *Top Research Scientist* dari Akademi Sains Malaysia (ASM) pada 2015. Pada tahun 2019, beliau telah dilantik sebagai Felo ASM dan kemudian dipilih sebagai Ahli Majlis ASM pada 2024. Nik Meriam juga terlibat sebagai konsultan dalam pelbagai projek, misalnya Projek Demonstrasi Pelaksanaan *Cleaner Production* Melalui *Cleaner Production Virtual Center*, Jabatan Alam Sekitar (2009-2019) dan Projek Pembersihan dan Rawatan Air Sungai Pinang, Pualu Pinang, (2000-2007), Jabatan Pengairan dan Saliran.

Nik Meriam mengharumkan nama negara apabila pencapaiannya dalam penyelidikan diiktiraf di dalam dan luar negara. Melalui kerja-kerja penyelidikannya, beliau berjaya memperoleh pelbagai anugerah dan memenangi pingat pelbagai warna, antaranya adalah *Gold Medal Award* di ITEX Geneva pada 2005, *for Reserarch Project on Ultrafication for Concentration of Natural Rubber Latex*; *Silver Medal Award* di Ekspo Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaya (2005), PECIPTA pada 2009, BioMalaysia 2009, dan MTE 2007 dan banyak lagi.

Tidak cukup dengan itu, terdapat beberapa hasil penyelidikan dan ciptaan beliau yang telah dipatenkan, antaranya adalah *A Method of Recovering Rubber from Skim Natural Rubber Latex*. Selain pengiktirafan dan anugerah di pelbagai peringkat dalam dan luar negara, Nik Meriam juga pernah disenaraikan dalam buku "Tokoh Wanita Kelantan, Jilid 1" yang diterbitkan UMK, dan juga disenaraikan dalam Britishpedia "*Successful People in Malaysia*" yang diterbitkan oleh *British Publishing House*.

Cuba mencontohi perjuangan Ummul Mukminin pertama Sayyidatina Khadijah yang sanggup berkorban apa sahaja demi kepentingan agama dan umat, Nik Meriam mendedikasikan segala jenis kajian, penyelidikan, ciptaan dan ilmu yang dikongsi ini untuk manfaat serta pembangunan masyarakat. Semoga wanita berjiwa kental ini terus maju jaya dan semua terutamanya wanita Kelantan dapat menjadikan kisah beliau sebagai inspirasi kejayaan.



توکلنا سیتی زبایداه TOKOH SITI ZUBAIDAH

Datin Bentara Kanan Datin Hajah Siti Zabidah Abd Hamid

Di sebalik kejayaan seorang lelaki pasti ada wanita atau isteri di belakangnya yang mendokong dan sentiasa membantu dalam keadaan senang mahupun susah. Sebagaimana ketokohan Siti Zubaidah isteri Khalifah Harun Ar-Rasyid yang menjadi tonggak kepada suaminya yang merupakan pemimpin utama masyarakat Islam pada waktu itu, Datin Bentara Kanan Datin Hajah Siti Zabidah binti Hamid juga sentiasa menjadi pendamping setia suaminya.

Sebagai isteri kepada bekas Menteri Besar Kelantan, Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Siti Zabidah bukan sahaja dikenali sebagai seorang isteri pemimpin tetapi juga sebagai seorang aktivis sosial dan pendidik yang komited kepada kemajuan masyarakat.

Beliau dilahirkan di Kg. Alor Pasir, Wakaf Bharu pada 2 Februari 1960 dalam keluarga yang mementingkan pendidikan agama dan merupakan anak bongsu dari tiga orang adik-beradik. Memulakan pengajian awal di Sek Keb Wakaf Bharu, beliau meneruskan pendidikan menengah di tiga buah sekolah iaitu Sekolah Arab Falahiah, Maahad Muhammadi Jalan Merbau dan Kolej Islam Kelang (yang sekarang dikenal sebagai KISAS). Beliau sangat mencintai ilmu dan menjadikan buku sebagai teman sejati tidak mengira masa dan tempat. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang Usuluddin di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada usia yang masih muda dalam tahun pertama pengajian, Siti Zabidah bertemu jodoh dengan Ustaz Ahmad Yakob yang pada ketika itu bertugas sebagai guru agama. Bermula dari saat itu, tanggungjawab beliau sebagai isteri dan juga pelajar diimbangi sebaik mungkin. Dikurniakan anak pada tahun kedua dan keempat pengajian, beliau yang semakin sibuk sebagai isteri dan ibu tidak mengabaikan amanahnya sebagai pelajar, bahkan berjaya menamatkan pelajaran dengan cemerlang. Beliau kemudiannya menabur bakti sebagai seorang guru agama bermula dari 1985 sehingga bersara pada tahun 2013.

Hasil perkongsian hidup bersama dengan Ustaz Ahmad Yakob selama 44 tahun, mereka dikurniakan dua belas orang anak iaitu 7 perempuan dan 5 lelaki serta lebih 20 orang cucu.

Menyedari akan kepentingan didikan agama dalam keluarga, kesemua anak mereka diberi pendidikan agama secukupnya dan mereka juga dihantar ke sekolah agama. Kini, kesemuanya telah menamatkan pengajian sama ada di dalam dan luar negara dalam bidang masing-masing.

Sewaktu Ustaz Ahmad Yakob mula-mula dipilih menjadi wakil rakyat, Siti Zabidah sedar kini beliau harus berkorban untuk meminjamkan suami untuk berkhidmat kepada masyarakat tidak mengira waktu. Tanggungjawab mendidik anak-anak jika sebelum ini dipikul bersama suami, kini digalas sebaiknya dengan sokongan dan bantuan daripada keluarga dan juga suami yang semakin sibuk. Apabila suami beliau ditakliffkan pula untuk memegang amanah sebagai Menteri Besar Kelantan, beliau yang sentiasa mendokong dan menyokong perjuangan suami, bersara sepenuhnya sebagai guru untuk memenuhi keperluan sebagai seorang isteri pemimpin tertinggi. Beliau turut turun menyantuni rakyat dan masyarakat tidak mengira tempat dan masa, menjalankan tanggungjawab sebaiknya sebagai sayap kiri perjuangan suami.

Mengambil inspirasi dari Siti Zubaidah isteri Harun Al-Rasyid yang prihatin kepada umat dan telah mengambil pelbagai inisiatif sosial termasuk membina mata air yang dikenali sebagai Mata Air Zubaidah, Datin Siti Zabidah juga mempunyai sifat kepimpinan dan keprihatinan yang tinggi terhadap masyarakat. Sungguhpun semakin sibuk, beliau yang sangat

mencintai ilmu dan sedar tentang pentingnya pendidikan agama terhadap masyarakat, tetap menyempatkan dirinya untuk mengajar di masjid-masjid sekitar. Tanggungjawab itu terus dijalankan sehingga kini, walau kini tubuh tidak sekuat dulu.

Setiap minggu, beliau sentiasa memenuhi jemputan mengajar kuliah agama di masjid tidak kurang dari 3 kali seminggu. Seusai kuliah, beliau biasanya terus menyantuni masyarakat sekitar jika ada keperluan ziarah atau undangan yang perlu dipenuhi. Sikap merendah diri dan senang didampingi ini juga menyebabkan rumahnya sentiasa dikunjungi rakyat dengan pelbagai keperluan. Siti Zabidah membuktikan bahawa wanita mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan masyarakat, dan mampu memberi impak yang besar terhadap kehidupan orang lain.

Sebaik-baik manusia adalah yang bermanfaat kepada orang lain. Negeri Kelantan bertuah mempunyai sosok tubuh seorang isteri kepada pemimpin yang bukan sahaja merendah diri, tetapi juga berjiwa rakyat dan sentiasa cuba untuk menaburkan manfaat buat semua orang. Melalui sumbangan dan dedikasi yang ditunjukkan, beliau telah membuktikan bahawa wanita bukan sahaja boleh menjadi pendokong suami, tetapi juga pemimpin dalam masyarakat. Maka selayaknya beliau diberi anugerah Tokoh Siti Zubaidah pada tahun ini.



إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ حُمْسَهَا، وَصَامَتْ شَهْرَهَا، وَحَصَّنَتْ
فَرْجَهَا، وَأَطَاعَتْ بَعْلَهَا، دَخَلَتْ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شِئَتْ

Maksudnya: “Jika seorang wanita menunaikan solat 5 waktu, puasa pada bulannya (Ramadhan), menjaga kemaluannya dan taat kepada suaminya, masuklah dia ke dalam Syurga dari mana-mana pintu yang anda kehendaki”.

(Riwayat Ibn Hibban)



Galeri Foto
Program Wanita
Kelantan

Program Wanita Kelantan

DIARI HARI SAYYIDATINA KHADIJAH 2023



Majlis Acara Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2023



Persidangan Wanita Antarabangsa (MISK) sempena Hari Sayyidatina Khadijah 2023



**Berita &
Keratan Akhbar**

8 Ikon HAS, 10 Tokoh HSK

Oleh SALMAH MAT HUSAIN Foto: M.KekWa

NOTA BHARU Seramai 18 orang wanita yang cemerlang dalam pelbagai bidang termasuk influencer menerima anugerah masing-masing menerusi dua kategori, Ikon HAS dan 10 orang Anugerah Tokoh HSK.

Anugerah ini diberikan sempena Hari Sayyidatina Khadijah (HSK) 2023 yang diadakan di Pusat Tahliah Islamiah Kelantan (Putik), dekat sini pada Khamis lalu.

Program anjuran kerajaan Kelantan setiap tahun itu dibawah Urusetia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KekWa) yang berkerjasama Agar Dirima Semulih Khadijah.

Anugerah berkenaan masing-masing disampaikan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datu' Mohd Amar Abdullah kepada 10 orang Tokoh HSK dan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kelantan, Datuk Mumtaz Md Nawi dan timbalannya, Rohana Anjural hampirkan



Tokoh Sayyidatina Khadijah (Che Halimah Che Ahmad) menerima cenderamata dari Tim Menteri Besar Kelantan Datu' Mohd amar Abdullah. Che Halimah menerima pingat diraja, frame dan tali, serta jambangan bunga, selempang labuhnya jolok Siti Khadijah, Korongwang HSK, set walidha, buku MISK serta jug pengadangmu buku-buku cenderamata.

anugerah Ikon HSK. Setiap kategori disandarkan kepada tokoh-tokoh wanita dan serikandi Islam yang menyah dengan sumbang dalam bidang masing-masing sebagaimana yang termah dalam lipatan sejarah Islam.

10 Anugerah Tokoh HSK yang diperkenalkan, Tokoh Sayyidatina Khadijah Khawali (Keusahawanan) disandang pengusaha Nasi Perak Kak Chik atau nama sebenarnya Che Halimah Che Ahmad, 67 dari Tampar.

Nasi berkinerja turut diujai hampir di seluruh

negara dan tanya boleh didapati untuk sarapan pagi.

Tokoh Sayyidatina Al-sayyidatu Ahsan Abu Bakar (Pendidikan), disandang Norizan Mohamed, Tokoh Sayyidatina Aminah Wahab (amalah) disandang, Zawiah Mohd Yazid, Tokoh Sayyidatina Zainab Ruzaimah (Romaynakan), Norama Mohd Salleh, Tokoh Sayyidatina Al-Khus'anna (Kesecian), Rosnani Ohman dan Tokoh Sayyidatina Mariah Al-Obayth (Musafiq), Nur Hidayah Bee Teo

Turut menerima anugerah, Tokoh Sayyidatina



Tamu yang hadir pada sambutan Hari Sayyidatina Khadijah (HSK).

Hajar Al-Obayth (Inovatif), Maftuzah Abdullah, Tokoh Sayyidatina Inowati Al-Harith (Influencer), Anam Husin, Tokoh Sayyidatina Hafah Umar (Adeh & Dokumentasi) Marzieh Mohamed dan Anugerah Khaw Wasita Huskan Islan, Thamaletchumi a/p Govindasami.

Lapan orang lagi menerima Anugerah Ikon HSK iaitu Ikon Usahan diberikan kepada Nurul Sakinah Yasob, Ikon Pendidikan Nuramdar abo Hamid, Ikon Kepimpinan, Nur Husna Mat Ghani, Ikon Masyarakat, Anah Hayati IsobohMohd Yusoff.

Turut menerima anugerah Ikon Kesecian, Siti Nur Syuhada Mohd A'ry, Ikon Sukan, Nurul Farisna Md Fandi, Ikon Inovatif, Raaisyah Mohamed Haniffah dan Ikon Influencer Wan Nurrobbidah

Wan Mohamed atau lebih dikenali Bidah lack.

Mohd Amar ketika berucap pada majlis itu menyifatkan anugerah tersebut amat baik sebagai menghargai tokoh-tokoh dan Ikon wanita Kelantan dari pelbagai bidang yang diterokai golongan berkecuali di negeri itu.

Ibela juga memaparkan mengingatkan golongan wanita hari ini supaya berwastia mencari ilmu memandangkan untuk berhadapan dunia zaman ini yang semakin mencabar.

"Kita tidak boleh mengi dunia ini tanpa ilmu, pelbagai ujian mesti dihadapi dengan cakuq getri, kita tidak boleh melalunya dengan kosong.

"Walaupun ilmu sekalian, ilmu Islam wajib dituntut sebagai perisai, sebagai perlindungan dalam menghadapi pelbagai u-

kan, kerevan, ancaman luar di zaman ini yang tanpa sempadan," ujarnya.

Semantara itu, Datuk Mumtaz pula berkata anugerah diberikan kepada tokoh dan Ikon dikalangan wanita itu bukan sahaja untuk menghargai peranan mereka, sebaliknya sebagai galakan agar mereka terus memainkan peranan masing-masing di tengah-tengah masyarakat.

Menurutnya, masyarakat amat memerlukan golongan sedemikian sebagai pembimbing mereka menerusi pelbagai bidang yang telah dicapai oleh tokoh-tokoh Ikon.

"Selaga contoh, tokoh mualaf tadi walaupun baru memeluk agama Islam, namun kata-katanya berkesan dalam begitu mendidik," ujarnya pada sidang media.



TMD bersama penerima anugerah tokoh dan Ikon. Turut hadir pada majlis itu Isteri Menteri Besar Kelantan, Datu' Bentara Kanan Siti Zahedah Abdul Hamid, isteri Timbalan Menteri Besar, Datu' Aasmah Husin dan Isteri Almarhum Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Datu' Bentara Setia Tuan Sabariah Tuan Isahak.

☰
Harakahdaily
🔍

Berita

Pengusaha 'Nasi Kak Chik' dianugerah Tokoh Sayyidatina Khadijah

June 2, 2023

<
f
t
wa
in
📄
🗨️

TOKOH SAYYIDATINA KHADIJAH KHUWALI KEUSAHAWAN

MAR (ARKA) DAN KUKU (NASI)

Mohd Amar (tengah) bersama Mumtaz (kiri) menyampaikan anugerah tokoh dan ikon K 2023 kepada penerima pada Sambutan SK 2023 di Putik, Pengkalan Chepa, Kota Bharu pada Khamis.

KERATAN AKHBAR

“

Sayyidatina Khadijah juga pernah diiktiraf oleh Nabi Muhammad SAW sebagai **wanita terbaik** melalui hadith yang diriwayatkan oleh Saidina Ali bin Abu Tolib R.A:

خَيْرُ نِسَائِهَا مَرْبَةُ ابْنَةِ عَمْرَانَ ، وَخَيْرُ نِسَائِهَا خَدِيجَةُ

Maksudnya:

“Wanita terbaik yang pernah ada ialah Maryam binti Imran dan Khadijah.”

Sahih al-Bukhari (3432) dan Sahih Muslim (2430)

Agar Dirimu Semulia Khadijah